

30/11/2000

Tentera, polis perlu elak berpolitik: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan anggota tentera dan polis supaya mengekalkan profesionalisme dalam menjalankan tugas serta mengelak daripada terbabit dalam politik.

Perdana Menteri berkata, anggota tentera atau polis yang terbabit dalam politik kepartian tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna kerana terpengaruh dengan fahaman politik serta boleh merosakkan jentera kerajaan.

"Sebab itu kita masih berpendapat tentera dan polis perlu profesional, iaitu tidak terlibat dengan politik. Kalau terlibat dengan politik, maka sudah tentu akan berlaku pecah belah.

"Dalam usaha parti lawan umpamanya untuk mendapat sokongan, mereka terpaksa menggunakan apa juga cara kerana ingin mendapat kuasa dan cara yang selalu digunakan itu tidak selalunya baik, namun ianya berkesan.

"Umpamanya satu daripada cara untuk mengurangkan sokongan kepada kerajaan ialah menimbulkan kebencian kepada kerajaan," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Auditorium Wisma Pertahanan di Jalan Padang Tembak dekat sini, petang ini.

Lebih 450 anggota tentera berpangkat Kolonel ke bawah hadir di majlis itu. Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalannya, Datuk Shafie Apdal dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Hashim Meon.

Selepas menyampaikan ucapan, Perdana Menteri mengadakan dialog tertutup dengan anggota tentera yang menghadiri perjumpaan itu sebelum berbuka puasa dan bersembahyang tarawih di Masjid Khalid Ibnu Al-Walid.

Dr Mahathir berkata, beliau memberi peringatan itu kerana sejak kebelakangan ini ada usaha di kalangan pihak tertentu untuk membabitkan anggota tentera dan polis dalam politik kepartian dengan menanam semangat benci terhadap kerajaan.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak kembali kepada cara lama, iaitu tidak terbabit dengan politik.

"Kalau kita terlibat (dengan politik kepartian) dan berkhidmat dengan sebuah kerajaan yang kita benci, saya percaya sukar bagi kita untuk menjalankan tugas dengan baik.

"Kalau kita tidak dapat menjalankan tugas dengan baik, sudah tentu negara kita tidak dapat dimaju dan dibangunkan...ini adalah masalah yang kita hadapi sekarang," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan kebimbangannya dengan keadaan yang melanda orang Melayu pada masa ini.

"Saya kluatir orang Melayu selepas merdeka ini telah mencapai sedikit kemajuan tetapi belum dapat bersaing dengan orang lain.

"Kalau kita sesama kita berkelahi, maka saya kluatir kita tak akan dapat kemajuan bahkan kita akan kembali kepada keadaan kita dulu (seperti di zaman penjajahan)," katanya.

(END)